

Qalam

KDN. 2180

M.C.(P) 2813/58

Muharam 1386

Mei 1966

Bilangan 190

60 sen

Selamat Tahun Baru Hijrah 1386

Bersempena dengan keluaran majalah Qalam bilangan ini, bertepatan dengan seluruh kaum Muslimin di seantero dunia Islam sedang menyambut ketibaan tahun baru Hijrah 1386, maka marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhānahu wa Ta'āla, semoga kehidupan kita seluruh umat Islam di sepanjang tahun 1386 ini akan lebih makmur, lebih maju, lebih aman tenteram dan lebih diberkati Tuhan dari tahun-tahun yang lalu.

Dengan ketibaan tahun baru Islam ini, marilah kita sama-sama membaharui tekad perjuangan kita di dalam segenap lapangan, demi untuk mencari kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Kepada sekalian kaum Muslimin dan Muslimat di seluruh dunia Islam kami ucapkan:

“Selamat Tahun Baru Hijrah 1386”

* * *

Siapa yang akan disalahkan?

Pada tahun ini ada dua buah kapal haji yang dihaskan membawa orang-orang haji berulang-alik dari Singapura ke Jeddah dan sebaliknya, - iaitu dua buah kapal yang pertama dan kedua dan mengulang semula sebagai

kapal yang ketiga dan keempat.

Kapal-kapal yang membawa orang-orang haji dari Malaysia (Malaya, Sabah, Sarawak) dan Singapura, penumpang-penumpangnyanya telah ditentukan banyaknya dan diatur dengan sedapat-dapatnya, siapa yang lebih dahulu pergi, maka ialah yang lebih dahulu ditentukan masa pulangnya ke tanahair – ertinya siapa yang belayar dengan kapal yang pertama, maka tatkala pulangnya kelak hendaklah ia menaikki kapal yang pertama itu juga, (tidak dengan kapal yang akhir). Kalau ada pun berlakunya pengecualian dalam perkara ini tentunya sedikit sahaja.

Satu kejadian yang merumitkan telah berlaku di Jeddah pada tahun ini, apabila kapal haji yang pertama – Kuala Lumpur – hendak belayar pulang ke Singapura pada 7 hari bulan April 1966, maka didapati seramai 200 orang di antara para jemaah haji yang ditentukan pulang dengan kapal tersebut telah menghilangkan diri tidak mahu belayar dengan kapal itu; dan untuk mencukupkan muatan kapal tersebut, maka terpaksa penumpang-penumpang yang mestinya berangkat dengan kapal yang kedua – Anson – dimuatkan ke dalam kapal Kuala Lumpur; dan kapal Kuala Lumpur pun dapatlah belayar setelah dua hari terlambat daripada tarikh yang ditetapkan; dan akibat dari itu kapal Anson pun terpaksa dilambatkan tarikh pelayarannya selama tiga hari kerana menunggu penumpang-penumpang yang diturunkan dari Makkah untuk memenuhi tempat di kapal tersebut.

Menurut maklumat yang kita dapati bahawa Kuala Lumpur belayar pulang ke Singapura kurang 40 orang penumpang dari bilangan yang ditetapkan, dan kapal Anson belayar pulang dengan kekurangan penumpangnya sebanyak 216 orang. Daripada punca-punca ini pula kita mendapat tahu bahawa isi kedua-dua kapal itu sewaktu pelayarannya yang terakhir dari Singapura ke Jeddah sudah cukup penuh.

Dengan adanya kejadian ini, maka timbullah satu

persoalan, bagaimana dua buah kapal haji itu kelak – dalam pelayarannya yang terakhir pulang dari Jeddah ke Singapura – akan memuat penumpang-penumpang yang lebih daripada had yang ditentukan; hal ini sudah tentu melanggar peraturan pelayaran international.

Pihak Pesuruhjaya Haji Malaysia dengan tegas menyatakan di dalam suatu ceramahnya, bahawa beliau tidak akan bertanggungjawab terhadap orang-orang haji yang tidak mahu pulang dengan kapal yang pertama dahulu itu, yang mana jika sekiranya kapal yang akhir nanti akan menolak daripada mengambil penumpang-penumpang lebih dari dihadkan, maka terpaksa mereka tertinggal di Jeddah atau terpaksa pulang dengan kapal terbang dengan menggunakan wang saku sendiri.

Kerumitan-kerumitan yang seumpama ini timbulnya daripada beberapa sebab; diantaranya: ada orang yang tiba dengan kapal pertama; sesudah selesai mengerjakan ibadat haji mereka pergi ziarah ke negara-negara Timur Tengah dan terus ke Mesir. Ada pula yang dengan sengaja mereka hendak pulang dengan kapal akhir untuk memuaskan hatinya hendak beribadah di Masjid al-Haram. Di sini Ka'abah al-Sharifah; dan selain dari itu tentu ada pula sebab-sebab yang lain.

Untuk mengelakkan ini semuanya supaya jangan berlaku lagi; maka pada masa yang akan datang, pihak-pihak yang berkenaan wajiblah membuat kenyataan yang terang dan jelas kepada bakal-bakal jemaah haji. Bagi mereka-mereka yang berniat hendak pergi ke luar negeri – selepas daripada menunaikan ibadat haji – moleklah diterangkan jalan-jalannya seperti berikut:

1. Para Jemaah haji yang berniat hendak pergi menziarahi ke luar negeri selepas daripada selesai mereka mengerjakan ibadah haji. Maka mereka itu hendaklah belayar ke Makkah dengan kapal yang akhir.
2. Sesudah menunaikan fardu haji, hendaklah dengan

segera meminta izin untuk menziarahi kota Madinah al-Munawwarah, sesudah menempah kapal terbang yang akan membawa mereka belayar ke luar negeri. Mereka hendaklah membawa pasport international – kerana pasport haji tidak boleh digunakan untuk ke luar negeri – dan meminta wisa¹ di Jeddah kepada kedutaan-kedutaan negeri yang bakal mereka lawati.

3. Sebelum belayar ke luar negeri itu hendaklah meminta sekeping surat akuan dari agent kapal haji yang menyatakan bahawa ia ada mempunyai tiket-tiket kapal yang akan membawanya pulang ke Singapura atau Malaysia.

Perkara yang ketiga ini sangat perlu dibuat sebelum seseorang itu belayar dari Jeddah kerana hendak melawat ke luar negeri. Sebab seseorang yang datang dengan kapal haji hendaklah mereka belayar pulang dengan kapal haji juga dengan menggunakan pasport haji – kerana pasport haji itu hanya boleh digunakan untuk pergi dan balik dari Malaysia ke tanah suci sahaja. – Tatkala mereka keluar dari Jeddah hendaklah mereka menunjukkan pasport haji itu: tetapi manakala mereka sampai di negeri yang mereka lawati hendaklah ia menunjukkan pasport international – dan haknya untuk masuk ke Jeddah semula telah habis, melainkan setelah ia mendapat wisa yang baru dari mana-mana pejabat kedutaan Sa'udi 'Arabiah yang berada di luar negeri. Tatkala hendak meminta wisa baru untuk balik ke Jeddah dari mana-mana pejabat kedutaan Sa'udi 'Arabiah di luar negeri, maka surat dari wakil kapal haji itu hendaklah ditunjukkan kepadanya bagi memudahkan mendapat wisa tersebut.

Dengan cara yang tersebut ini tidaklah dapat orang-orang yang sepatutnya belayar pulang dengan kapal yang pertama dan kedua itu cuba hendak mengelakkan diri mereka daripada belayar

¹ Perkataan sebenarnya adalah visa.